

**LAPORAN PROJEK AKHIR**  
**DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL**  
**FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**40450 SHAH ALAM**

**PROGRAM PEMROSESAN DATA**

**DISEDIAKAN OLEH:**  
**ZULKARNAIN BIN ABD. RAHMAN (96598237)**  
**AZMI BIN MOHAMED (96597216)**

**PENASIHAT PROJEK:**  
**Ir. Dr. Hj. AHMAD SUHAIMI BIN ABDUL RAHIM**

**NOVEMBER 1999**

# KANDUNGAN

<b>Isi Kandungan.</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Penghargaan</b>	i
<b>Sinopsis</b>	ii
<b>Bab 1 : Pengenalan</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pengenalan Projek	3
1.3 Revolusi dan Kemajuan Komputer	
1.3.1 Pengenalan Kepada Bahasa Komputer	6
1.3.2 Pengaturcara dan Pengguna Komputer	7
<b>Bab 2 : Visual Basic Versi 6.0</b>	
2.1 Windows dan Visual Basic	10
2.2 Evolusi Bagi Visual Basic	13
2.3 Perancangan Pengaturcaraan ( Flow Chart )	14
<b>Bab 3 :Parameter dan Koding</b>	
3.1 Parameter yang Digunakan	21
3.2 Keputusan Projek	23
3.2.1 Paparan Output	
3.2.2 Keputusan Pengiraan Secara Manual	26
3.2.3 Keputusan Pengiraan Secara Visual Basic	27
3.2.4 Komen	28

**Kesimpulan dan Cadangan**

29

**Rujukan dan Lampiran**

33

## SINOPSIS

Pada masa sekarang ini, komputer adalah merupakan sesuatu keperluan harian dan perlu bagi kehidupan manusia. Pelbagai perkara menjadi lebih mudah dengan menggunakan komputer. Kerja-kerja yang sebelum ini banyak dikendalikan secara manual, telah beralih kepada penggunaan komputer.

Sehubungan dengan itulah maka kami memilih tajuk Program Pemrosesan Data (*Data Processing Programe*) sebagai projek akhir dan dengan menggunakan Visual Basic (version 6) sebagai bahasa pengaturcaraan.

Inilah pertama kali kami menggunakan Visual Basic. Jadi untuk menjayakan projek ini, kami mempelajari sendiri pengaturcaraan Visual Basic dan kami dapati ianya merupakan salah satu bahasa pengaturcaraan yang cukup menarik dan amat berguna dalam bidang kejuruteraan. Banyak sekali masalah yang bersangkutan paut dengan kejuruteraan dapat diselesaikan dengan menggunakan Visual Basic.

Dalam projek ini, bahasa pengaturcaraan Visual Basic digunakan untuk memproses data yang melibatkan ujian di makmal terhadap model ujikaji yang digunakan. Apabila ujikaji dijalankan di makmal dan mendapatkan data-data yang tertentu, data-data ini akan diproses secara berkomputer dengan menggunakan pengaturcaraan Visual Basic. Nilai-nilai yang diperlukan seperti kadar alir jisim minyak, udara dan juga nisbahnya akan diperolehi apabila data-data tadi dimasukkan dan diproses oleh aturcara. Ini akan dapat dilihat pada coding aturcara dan juga contoh output yang disertakan dalam laporan ini.

Maka selain daripada dapat mempelajari sesuatu yang baru atau dapat mempelbagaikan pengetahuan, kami juga dapat menyiapkan projek akhir ini dengan baik.

Pada masa akan datang, program yang telah kami bina ini boleh di majukan lagi dengan penggunaan program Visual Basic dengan versi yang lebih tinggi lagi. Cara pengurusan data dengan menggunakan pengkalan data (database) boleh membuatkan sistem pengaturcaraan lebih effsyen dan canggih.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Projek ini adalah satu subjek wajib kepada semua pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan dikenali sebagai projek akhir(KJP 365). Projek yang kami pilih adalah bertajuk 'Data Processing Programme (Visual Basic)'; yang melibatkan aplikasi pengaturcaraan komputer terhadap pengubahsuaian dan ujian enjin (Engine Modification and Testing).

Dalam beberapa tahun yang lalu perindustrian komputer telah menjadi satu industri yang berkembang maju didunia. Di Malaysia, penggunaan komputer asalnya adalah terhad kepada jabatan-jabatan kerajaan tertentu dan institusi-intitusi perdagangan dan kewangan yang besar sahaja. Hasil daripada kemajuan sains dan teknologi, telah menghasilkan komputer dengan harga yang murah. Oleh kerana ini, penggunaan komputer telah bertambah luas.

Selaras dengan fenomena ini, pihak kerajaan dan swasta menyeru rakyat di negara kita supaya mendalami dan membiasakan diri dengan penggunaan komputer untuk mencapai matlamat ini, kerajaan telah menggalakkan penubuhan kelab-kelab komputer disekolah dan juga di pusat-pusat pengajian tinggi.